



TAHNIAH

JACKIE ATASI 'BADI' 16 TAHUN

JACKIE WONG ternyata mempunyai jiwa kental, kegigihannya meraih emas dalam acara tukul besi memberi makna besar buat negara.

Apa tidaknya, dia berjaya mengakhiri kemarau 16 tahun tanpa pingat Sukan SEA dalam acara tersebut selepas kali terakhir dilakukan legenda negara, Wong Tee Kui dalam temasya di Kuala Lumpur pada 2001.

Lebih menarik, kemampuan meraih emas mengiringi satu lagi kejayaan besar buat Jackie apabila memperbaharui rekod kebangsaan dan Sukan SEA menerusi catatan 65.90 meter (m).



PERINTIS JUARA

EMAS SEMALAM

- **FARAH ANN ABDUL HADI**
Gimnastik artistik senaman lantai wanita
- **JACKIE WONG**
Baling tukul besi lelaki
- **ESTHER CHEAH, SHALIN ZULKIFLI dan SIN LI JANE**
Boling trio wanita
- **SYAKILLA SALNI JEFRI KRISNAN**
Kumite bawah 55 kilogram wanita
- **R. SHARMENDRAN**
Kumite bawah 75 kilogram lelaki
- **ELINA GOH**
10,000m jalan kaki wanita
- **WELSON SIM**
Renang 200m gaya bebas lelaki
- **RACHEL ARNOLD-ANDREA LEE JIA QI**
Skuasy beregu wanita
- **MOHAMAD SYAFIQ MOHD. KAMAL-NG EAIN YOW**
Skuasy beregu lelaki
- **MUHAMMAD HAKIMI ISMAIL**
Lompat kijang lelaki

Malaysia tepati sasaran

■ SHAH ALAM 23 OGOS

PRESTASI meyakinkan terus dipamer anak-anak buah Datuk Ong Kim Swee dalam misi merampas pingat emas bola sepak lelaki Sukan SEA apabila menamatkan saingan awal dengan rekod bersih empat kemenangan, menepati ramalan muncul juara Kumpulan A.

Dua jaringan Jafri Firdaus Chew dan Adib Zainudin memastikan skuad bawah 22 (B-22) menumpaskan Laos 3-1 dalam perlawanan di Stadium Shah, yang sekali lagi dibanjiri ribuan penonton tuan rumah hari ini.

Biarpun muncul juara kumpulan, ia tidak memberi jaminan laluan mudah bakal menanti Malaysia dalam separuh

akhir kerana lawan yang akan menanti skuad muda negara belum diketahui dan persaingan Kumpulan B masih terbuka.

Ketika ini, Vietnam menduduki tangga teratas Kumpulan B berkongsi 10 mata dengan Thailand manakala Indonesia kurang dua mata. Ketiga-tiga pasukan masih memiliki satu perlawanan dalam tangan.

Dalam perlawanan hari ini, Malaysia dan Laos pasukan mempamer aksi membosankan apa bila tiada percubaan berbahaya pada 15 minit pertama.



FAKTA 3-1

keputusan perlawanan skuad negara menentang Laos.

Pasukan tuan rumah hampir berada di depan pada minit ke-22, percubaan Syafiq Ahmad tersasar selepas menerima hantaran lintang daripada penyerang Pulau Pinang, Jafri.

Selang empat minit kemudian, ribuan peminat tuan rumah bersorak gembira selepas jaringan yang dinanti-nantikan dapat dihasilkan apabila Jafri pantas merembat bola yang sebelum itu terkena palang berpunca daripada tandukan Syafiq.

Bagaimanapun, kelebihan itu tidak bertahan lama selepas skuad kendalian Monheng Mikewong menyamakan kedudukan menerusi rembatan bola mati Phanthavong Thanin pada minit ke-32 selepas pengadil perlawanan menghadihkan sepakan percuma ekoran Danial Amier Norhisham melakukan kekasaran terhadap pemain lawan di luar kotak penalti.

Tersentak dengan gol penyamaan tersebut, Malaysia mengatur serangan dan kapten, Adib kembali meletakkan pasukannya di depan pada minit ke-39 selepas rembatannya terkena kaki pertahanan lawan sebelum menerobos ke dalam gawang.



AKSI 'emas' Farah Ann Abdul Hadi yang melayakkannya memenangi acara gimnastik artistik senaman lantai wanita Sukan SEA, semalam.



PEMAIN Malaysia, Muhammad Syafiq Ahmad (kanan) cuba menghalang pemain Laos, Phaphakdy Anouwath dalam aksi bola sepak Kumpulan A Sukan SEA di Stadium Shah Alam, semalam.

Azizulhasni 'musuh utama' Shah Firdaus

NILAI 23 Ogos - Muhammad Shah Firdaus Sahrom menganggap rakan sepasukan, Azizulhasni Awang sebagai musuh utamanya untuk merealisasikan impian meraih dua emas daripada temasya Sukan SEA kali ini.

Walaupun hanya musuh di dalam gelanggang, saingan menerusi acara 200 meter pecut itu katanya sudah pasti sengit kerana masing-masing mahu membuktikan siapa yang layak merebut gelaran pelumba trek terpantas negara ini dan di Asia Tenggara buat masa ini.

"Saya tidak nampak ada pelumba lain selain Azizulhasni sebagai penghalang utama saya untuk muncul pelumba trek terpantas negara dan Asia Tenggara.

"Walaupun kami berkawan baik sebagai rakan sepasukan, apabila tiba masa perlumbaan, kami berdua kena bersikap profesional kerana ia akan menjadi satu persaingan sihat yang bagus untuk kami berdua," katanya.

Shah Firdaus dijadual mengambil bahagian dalam dua acara trek pecut daripada lapan yang dipertandingkan. Selain 200 meter pecut, pelumba berusia 22 tahun itu turut membawa cabaran negara dalam acara 1 kilometer(km) ujian masa lelaki.

Satu lagi acara iaitu pecut berpasukan, Shah Firdaus hanya diletakkan sebagai pelumba simpanan sahaja namun tidak mustahil akan diturunkan juga bergantung kepada kekuatan pencabar-pencabar dari negara lain.



Keluarga pencetus kebangkitan Elena raih emas

KUALA LUMPUR 23 Ogos - Dua tahun lalu Elena Goh hampir berputus asa kerana kecederaan lutut yang teruk namun dorongan keluarga membuatnya dia bangkit dan hari ini menghadihkan pingat emas 10,000 meter jalan kaki Sukan SEA Ke-29.

Bukan itu sahaja, Elena turut menamatkan kemarau 18 tahun negara tanpa pingat emas acara berkenaan dalam Sukan SEA selepas kali terakhir menerusi Yuan YuFang pada 1999 di Brunei.

Elena, 21 tahun, memenangi saingan akhir acara tersebut dengan catatan 52 minit 21.50 saat.

Pingat perak milik Phan Thi

BINTANG semalam

Bich Ha dari Vietnam dengan catatan 52:27.78s manakala gangsa diraih atlet dari Thailand, T Assawongcharoen yang mencatat 53:17.10s.

Kata Elena, kecederaan lutut yang teruk sewaktu aksi Sukan SEA 2015 menyebabkan dia sekadar menamatkan saingan di tempat keempat, sekali gus membuatnya dia hilang semangat.

"Ini adalah emas untuk keluarga saya dan seluruh rakyat Malaysia.

"Keluarga saya menjadi pembakar semangat saya untuk cemerlang malah sentiasa

memberikan sokongan ketika saya hampir berputus asa.

"Keputusan saya untuk mengambil risiko melakukan pembedahan kedua-dua belah lutut selepas Sukan SEA 2015 berbaloi apabila memenangi pingat emas hari ini," kata Elena.

Selepas pembedahan tersebut, atlet dari Wangsa Maju itu terpaksa berehat selama 10 bulan sebelum mula menjalani latihan.

Kini, dia bukan sahaja berjaya memenangi pingat emas Sukan SEA Ke-29 malah menawarkan bekas jurulatihnya, Yu Fang dalam saingan akhir.

Yu Fang yang beraksi mewakili Malaysia dalam temasya di Kuala Lumpur bersama Elena tidak dapat meneruskan saingan 10,000m jalan kaki akhir kerana kecederaan.

ELENA GOH menunjukkan reaksinya selepas meraih pingat emas acara 10,000 meter jalan kaki wanita Sukan SEA, semalam.

